

24 DEC 2002

DR MAHATHIR DENGAR TAKLIMAT DARIPADA MIGHT

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendengar taklimat mengenai aktiviti Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

Taklimat 20 minit itu disampaikan oleh Presiden MIGHT Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie.

Perdana Menteri juga mendengar laporan dan pemerhatian mengenai MIGHT dari persepsi industri yang bertajuk "Industri Teknologi Tinggi di Malaysia" oleh Pengerusi Bersama MIGHT (Industri) Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Laporan dan pemerhatian dari perspektif kerajaan yang bertajuk "Langkah Ke Arah Meningkatkan Kemajuan Teknologi Tinggi Malaysia" disampaikan oleh Pengerusi Bersama MIGHT (Kerajaan) Tan Sri Dr Ahmad Taharudin Idrus.

Pada akhir sesi taklimat itu Perdana Menteri turut diberi peluang memberi penerangan dan nasihat kepada MIGHT.

Pada akhir ketiga-tiga taklimat itu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan tertutup mengenai MIGHT selama kira-kira 45 minit.

-- BERNAMA

MUN AHH NMO